

NO. SOALAN: 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN
RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 26.07.2017 (RABU)

DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan apakah usaha kerajaan untuk menyelamatkan kedai-kedai runcit kepunyaan individu-individu serta peniaga-peniaga kecil tempatan yang di ancam keadaan ekonomi lemah hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, KPDNKK telah dan sedang melaksanakan program-program memperkasakan peniaga-peniaga kecil tempatan melalui aspek latihan seperti program transformasi minda penjaja dan peniaga kecil, bimbingan keusahawanan dan bantuan pinjaman melalui skim pinjaman mikro bagi memantapkan minda dan perniagaan penjaja dan peniaga kecil.

Di samping itu, bagi membantu penjaja dan peniaga kecil tersebut, Kementerian juga telah melaksanakan program-program seperti berikut:

- i. **Program Transformasi Minda (PTM)** bertujuan untuk mewujudkan penjaja dan peniaga kecil yang berdaya saing, mentransformasikan perniagaan serta meningkat dan mengembangkan perniagaan sedia ada.
- ii. **Program 1Malaysia Micro Entrepreneur (1MME)** bertujuan untuk memperkuuhkan modal insan di kalangan pemimpin persatuan penjaja dan peniaga kecil bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam tadbir urus persatuan penjaja dan peniaga kecil termasuk persatuan *food truck*.
- iii. **Program Penjaja 1Malaysia (PP1M)** bertujuan untuk menaiktaraf imej perniagaan yang meliputi ruang dalaman/operasi perniagaan dan pemodenan operasi perniagaan seperti pengiktirafan BeSS, *Green Concept* dan Sistem POS.

- iv. **Jelajah Transformasi Perniagaan (JTP)** bertujuan untuk memberi pendedahan berhubung kaedah perniagaan masa kini dan keusahawanan serta mewujudkan jaringan usahawan melalui kerjasama dengan agensi di peringkat negeri.
- v. **Skim Pinjaman Mikrokredit** merupakan pinjaman tanpa faedah yang ditawarkan kepada penjaja dan peniaga kecil yang bertujuan untuk membantu menaiktaraf dan meningkatkan modal perniagaan sedia ada seperti penambahan modal kerja/pusingan dan pembelian peralatan/aset.